



The Observer

10.12.2021

Surat berita mingguan, The Observer kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari www.mswg.org.my untuk maklumat lanjut.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsi pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.

❖ Memahami telahan tentang keutuhan saham sektor sarung tangan

Tanda-tandanya sudah jelas kelihatan sejak akhir 2020. Kaunter sarung tangan dikatakan akan menghadapi permintaan pasaran dan harga jualan yang lemah selepas mengalami kenaikan mendadak dalam permintaan dan harga saham yang bermula pada kemuncak pandemik COVID-19 (sekitar pertengahan 2020).

Memandangkan sifat pasaran saham yang berpandangan ke hadapan, perlu dinyatakan bahawa terdapat dua sudut pandang yang berlawanan namun sah dalam kalangan pelabur yang memberi kesan terhadap hala tuju saham sarung tangan pada masa kini:

- Sudut pandang pertama berpendapat bahawa pandemik COVID-19 bakal berakhir dengan pemberian vaksin, lantas mendorong penurunan dalam permintaan kepada sarung tangan (justeru, pendapatan pengusaha sarung tangan akan kembali kepada tahap pendapatan sebelum pandemik); dan
- Pendapat kedua adalah permintaan kepada sarung tangan akan kekal tinggi dengan peningkatan kesedaran terhadap kebersihan dan kesihatan (permintaan untuk sarung tangan akan kekal sihat dalam era pasca pandemik COVID-19) lebih-lebih lagi selepas kemunculan varian Omicron baharu.

Perlu diingat, walaupun saham sarung tangan dilihat sudah menghampiri penghujung fasa pasaran menaik, masih terdapat peningkatan berkala yang dicetuskan oleh pemangkin jangka pendek. Contoh yang baik adalah kebimbangan terhadap varian Omicron COVID-19 baru-baru ini yang mendorong kenaikan harga saham sarung tangan.

Kemunculan Omicron seakan 'menyegarkan semula' sektor sarung tangan yang lesu. Kaunter sarung tangan empat teratas (*Big-Four*) yang sudah lama berlegar-legar menghampiri paras terendah dalam tempoh 52 minggu mendapati kaunter mereka kembali menjadi tumpuan di sebalik kebimbangan terhadap varian Omicron yang sudah merebak ke Amerika Utara, Eropah, Australia dan Asia.

Apa yang menarik, Macquarie Equities Research (MQ Research) percaya bahawa penularan berita tentang Omicron mungkin dapat menambah jumlah pembeli kepada sektor sarung tangan, terutama apabila pelabur mula menyisihkan sektor yang berpotensi terjejas secara negatif (misalnya pelancongan, hospitaliti, mengikut budi bicara pengguna).

MQ Research seterusnya menjangkakan penularan berita tentang Omicron berpotensi untuk mencetuskan kenaikan harga saham sarung tangan, sekali gus menetapkan 'harga lantai' untuk sarung tangan. Ketibaan varian baharu ini mungkin akan mencetuskan lonjakan harga saham yang serupa.

Ini mendorong firma penyelidikan itu untuk meningkatkan prospek saham sarung tangan kerana (i) potensi peningkatan jumlah jualan disebabkan Omicron; dan (ii) peningkatan dalam turun naik harga saham juga disebabkan Omicron.

Walau bagaimanapun, memandangkan pengeluaran sarung tangan di bawah tinjauannya kini beroperasi pada kadar penggunaan yang tidak optimum (iaitu Top Glove Corp Bhd: 60 hingga 65%; Hartalega Holdings Bhd: 65 hingga 70%; Kossan Rubber Industries Bhd: 80%), MQ Research percaya kehadiran gelombang baharu dalam jangkitan COVID-19 hanya akan melonjakkan volum jualan tetapi tidak meningkatkan harga jualan purata (*average selling price, ASP*) disebabkan bekalan yang tersedia sudah mencukupi.

Selain dua sudut pandang pelabur yang berlainan itu, sejak kebelakangan ini pengurangan saiz pegangan saham sarung tangan oleh pelabur institusi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ('KWSP') (*Employees Provident Fund, EPF*) turut mencuri perhatian kita.

Penjualan saham yang kerap dapat diperhatikan dalam kalangan pengeluaran sarung tangan empat teratas terutamanya Top Glove Corp Bhd yang menyaksikan kepentingan KWSP menyusut daripada 6.26% pada 30 September kepada 6.04% pada 1 Disember, Hartalega Holdings Bhd (1 Disember: 7.8%; 29 September: 8.29%) dan Kossan Rubber Industries Bhd (1 Disember: 8.19%; 29 September: 8.59%).

Keputusan KWSP untuk melepaskan sesetengah pegangan sahamnya dalam kaunter sarung tangan mungkin dibuat sejajar dengan strategi pelaburannya atau merupakan hasil daripada penyelidikan dalaman yang meninjau keseluruhan sektor. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa tindakan ini boleh mencetuskan pemikiran kelompok dalam kalangan pelabur institusi lain. Malah pemegang saham minoriti juga boleh menganggap tindakan tersebut sebagai tindakan "hilang kepercayaan" terhadap sektor atau kaunter.

Tidak dinafikan, kesan kemerosotan harga yang berpunca daripada pelupusan sebahagian besar saham boleh disalah erti sebagai isyarat jualan untuk industri atau sektor yang berkaitan.

Kebanjiran bekalan dan pemain baharu

Sebaliknya, dirangsang oleh prestasi yang kukuh dalam sektor sarung tangan pada tahun lepas, ramai pemain baharu di dalam dan luar negara telah mencuba nasib untuk mendapatkan sebahagian daripada kek pasaran. Menurut Persatuan

Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia (*Malaysian Rubber Glove Manufacturers Association, MARGMA*), ia mengambil masa tiga tahun sebelum keseimbangan di antara permintaan dan penawaran dapat dicapai.

Tidak dapat tidak, persaingan yang semakin sengit dalam kalangan pemain sedia ada dan pemain baharu boleh mendorong penurunan harga jualan purata. MIDF Research sebelum ini mengunjurkan harga jualan purata akan kembali ke tahap normal menjelang separuh pertama 2022 dan kembali kepada model asas tokok kos. Firma penyelidikan ini menjangkakan harga jualan purata adalah kira-kira USD60 untuk setiap 1,000 keping dan USD29.00 untuk setiap 1,000 keping masing-masing untuk tahun kalendar 2021 dan 2022, berbanding harga kemuncak USD130.00 yang dicapai pada setengah tahun pertama 2021.

Namun begitu, disebabkan oleh perubahan struktur dalam penggunaan sarung tangan di seluruh dunia akibat pandemik, firma penyelidikan tersebut menganggarkan harga jualan purata akan kekal berada di atas paras harga sebelum COVID-19.

Pada masa ini, Malaysia menyumbang 68% daripada bekalan sarung tangan global, diikuti oleh Thailand (13 hingga 18%), China (10%), Indonesia dan Vietnam. Ketua Pegawai Eksekutif Hartalega, Kuan Mun Leong menjangkakan China bakal menguasai 23% daripada bekalan sarung tangan di peringkat antarabangsa manakala Malaysia menyaksikan bahagian pasarnya menyusut kepada 60% menjelang akhir 2022.

Berikut adalah beberapa cabaran yang akan dihadapi oleh pengusaha sarung tangan di Malaysia pada masa hadapan:

- **Berlaku lebihan penawaran:** Walaupun perang harga tidak mungkin berlaku dalam negara disebabkan wujudnya mekanisme penetapan harga untuk sarung tangan, sudah ada tanda-tanda berlakunya perang harga di peringkat antarabangsa apabila pemain industri dari China menjual sarung tangan mereka pada kadar yang lebih menarik untuk pasaran Eropah berbanding harga yang ditawarkan oleh pengusaha sarung tangan di Malaysia, demi memperoleh bahagian pasaran yang lebih besar.

Oleh yang demikian, analisis menjangkakan bahawa kemasukan agresif pemain baharu ke dalam sektor sarung tangan boleh menjejaskan margin pada masa hadapan.

- **Peralihan ke fasa endemik:** Selain itu, pemain yang mapan secara beransur-ansur merekodkan keuntungan yang lebih rendah apabila harga jualan purata sarung tangan kembali pulih seperti sedia kala berbanding pendapatan yang lebih kukuh yang diperolehi pada peringkat awal kemunculan pandemik.

Ini akan menjadi cabaran kepada peserta baharu dalam industri sarung tangan yang masih belum menyaksikan sumbangan yang signifikan dan konsisten daripada usaha niaga yang baru diceburi oleh mereka.

- **Minat yang berubah-ubah terhadap sarung tangan:** Dengan kadar pemberian vaksin yang semakin meningkat di peringkat global, harga jualan purata akan

kekal berada di bawah tekanan pada masa hadapan kecuali untuk faedah jangka pendek.

Kesimpulan

Apabila berhadapan pelbagai faktor yang perlu dipertimbangkan, pemegang saham minoriti yang gemar melabur dalam saham sarung tangan perlu mempunyai pemahaman yang mencukupi tentang perkara yang mencetuskan penjualan saham atau penurunan gred (penarafan dan harga sasaran) bagi sektor sarung tangan atau saham individu, sebagai contoh, yang dibuat oleh syarikat penyelidikan.

Mereka perlu berupaya melihat di luar laporan penganalisis dan mampu membuat penilaian secara objektif.

Pada penghujung hari, setiap pelabur perlu merumuskan metodologi yang mereka jadikan sebagai rujukan sewaktu membuat pelaburan. Sesuaikan metodologi anda apabila mempelajari sesuatu yang baharu namun kekal akur dengan metodologi anda untuk memupuk disiplin diri.

Justeru, metodologi anda seharusnya membolehkan anda mencapai nilai intrinsik yang akan memainkan peranan penting apabila membuat sesuatu keputusan termaklum.

Berikut adalah beberapa metrik utama yang perlu ditonjolkan dalam metodologi pelaburan pemegang saham minoriti:

- **Rekod aliran tunai dan prestasi untung rugi** - Ingatlah bahawa keuntungan cuma pendapat, tetapi tunai adalah hakikat.
- **Prestasi prospektif** - Dalam kes kaunter sarung tangan, pelabur perlu berpandangan jauh ke hadapan apabila mempertimbangkan harga jualan purata sarung tangan memandangkan China sudah pun membawa masuk bekalan sarung tangan secara besar-besaran ke dalam pasaran sarung tangan antarabangsa. Kenyataan bahawa keuntungan melangit hanya bertahan dalam jangka pendek hanyalah teori ekonomi yang sudah lapuk. Apabila lebih ramai pemain baharu menyertai permainan ini, penawaran pasaran akan meningkat. Ini kemudiannya melaraskan pasaran dan beransur kembali kepada keseimbangan.
- **Moat ekonomi** - Sama ada syarikat mempunyai kelebihan daya saing berbanding pesaingnya.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 13 hingga 17 Disember 2021

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
13.12.21 (Isnin) 10.30 pagi	Ekovest Bhd (AGM)	Keuntungan sebelum cukai ("PBT") bagi tahun kewangan 2021 berjumlah RM120.4 juta, lebih tinggi berbanding PBT yang dilaporkan pada tahun kewangan 2020 yang berjumlah RM90.7 juta. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendapatan keseluruhan yang lebih tinggi pada tahun kewangan berakhir 2021.
14.12.21 (Selasa) 10.00 pagi	Berjaya Land Bhd (AGM)	<p>BJLand melaporkan peningkatan 5% dalam pendapatan kepada RM5.41 bilion dan kerugian sebelum cukai berjumlah RM42.23 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding pendapatan berjumlah RM5.16 bilion dan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM213.62 juta pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Lonjakan dalam jualan disumbangkan oleh peningkatan jualan kereta baharu dan terpakai daripada H.R. Owen serta segmen perniagaan pembangunan dan pelaburan hartanah.</p> <p>Keuntungan besar daripada pelupusan komponen hotel Four Seasons di Kyoto, Jepun serta muhibah negatif berjumlah RM28.23 juta yang diiktiraf sewaktu pengambilalihan 75% kepentingan ekuiti dalam Icelandair Hotels Group ehf menyumbang kepada</p>

		peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai.
15.12.21 (Rabu) 11.00 pagi	Technodex Bhd (AGM)	<p>Pendapatan Technodex meningkat 10.5% tahun ke tahun kepada RM58.8 juta (tahun kewangan 2020: RM53.2 juta) terutamanya disebabkan oleh jualan yang lebih tinggi daripada segmen Perkakasan, Perisian dan Perkhidmatan Profesional.</p> <p>Walau bagaimanapun, ia merekodkan kerugian sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM5.0 juta (tahun kewangan 2020: kerugian sebelum cukai RM10.2 juta), sebahagian besarnya berpunca daripada keuntungan bersih sekali sahaja daripada pelupusan MyProperty Data Sdn. Bhd. yang diiktiraf sebagai pendapatan operasi lain berjumlah RM2.5 juta.</p>
15.12.21 (Rabu) 11.00 pagi	Latitude Tree Holdings Bhd (AGM)	<p>Tahun kewangan 2021 merupakan tahun cemerlang buat Syarikat yang mana keuntungan bersihnya meningkat 220% kepada RM53.8 juta berbanding RM16.8 juta pada tahun kewangan 2020. Melangkah ke hadapan, Syarikat perlu berusaha untuk meningkatkan kehadirannya dalam talian serta mencari pasaran baharu bagi meningkatkan pendapatan pada tahun kewangan 2022.</p>
16.12.21 (Khamis) 10.00 pagi	Uzma Bhd (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan menyusut 30% atau RM168.2 juta kepada RM384.2 juta, daripada RM552.4 juta pada tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Walaupun pendapatannya menyusut, Kumpulan berjaya memperbaiki Margin Untung</p>

		<p>Kasar daripada 31% kepada 36%, terutamanya disebabkan oleh margin keseluruhan yang lebih baik daripada projek yang sedang dijalankan dan projek siap di sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan berbanding tahun kewangan sebelumnya.</p>
16.12.21 (Khamis) 10.00 pagi	Berjaya Corporation Bhd (AGM)	<p>BJCorp mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM7.46 bilion berbanding RM6.99 bilion pada tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Namun, ia mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM260.39 juta berbanding keuntungan sebelum cukai sebanyak RM173.46 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Ini disebabkan oleh rosot nilai aset dan inventori yang dihapus kira berjumlah kira-kira RM280.43 juta.</p> <p>Bahagian Hotel dan Resort Berjaya mencatatkan peningkatan ketara dalam kerugian sebelum cukai berjumlah RM272.9 juta berbanding RM27.1 juta pada tahun kewangan sebelumnya.</p>
16.12.21 (Khamis) 10.00 pagi	Lotte Chemical Titan Holdings Bhd (EGM)	<p>Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk urus niaga pihak berkaitan (<i>related party transaction</i>, RPT) yang melibatkan penganugerahan kerja-kerja kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan (<i>engineering, procurement and construction</i>, EPC) oleh anak syarikat LCT Indonesia kepada Lotte Engineering</p>

		Corporation, yang 43.8% dimiliki oleh Lotte Chemical Corporation ("LCC"). LCC merupakan pemegang saham pengawal LCT yang memegang 75.9% kepentingan langsung dalam syarikat tersebut.
17.12.21 (Jumaat) 10.00 pagi	Borneo Oil Bhd (AGM)	<p>Borneo Oil mencatatkan keuntungan untuk tahun kedua berturut-turut pada tahun kewangan 2021 sejak tahun kewangan 2017 dengan keuntungan bersih RM28.48 juta berbanding RM1.598 juta pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, ini disebabkan oleh pelarasan ke atas rosot nilai dan keuntungan nilai saksama daripada pelaburan.</p> <p>Tanpa pelarasan ke atas rosot nilai dan keuntungan nilai saksama daripada pelaburan, Borneo Oil mencatatkan kerugian pada tahun kewangan 2021.</p>
17.12.21 (Jumaat) 10.00 pagi	Hiap Teck Venture Bhd (AGM)	Bahagian keuntungan Hiap Teck daripada entiti usaha sama (<i>joint venture, JV</i>) mengalami lonjakan ketara kepada RM76.01 juta (tahun kewangan 2020: RM3.84 juta) apabila projek JV mulai pulih dan mencatatkan keuntungan operasi untuk tahun pertama. Secara keseluruhan, ia mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang luar biasa berjumlah RM194.59 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM8.69 juta pada tahun kewangan sebelumnya, dengan peningkatan 2,139%.

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
----------	----------------------------------

Ekovest Bhd (AGM)	<p><u>Operasi Pembinaan</u></p> <p>a) Apakah tahap kemajuan projek DUKE Fasa 3? Adakah projek berjalan mengikut jadual?</p> <p>b) Berapakah nilai buku pesanan pembinaan semasa Ekovest? Berapa lamakah buku pesanan semasa ini dapat bertahan?</p> <p>c) Apakah sasaran penambahan kepada buku pesanan untuk dua tahun kewangan akan datang?</p> <p>d) Kumpulan masih meneruskan projek DUKE Fasa 2A serta KL River City untuk mendapatkan lebih banyak projek infrastruktur (Halaman 14, Laporan Tahunan 2021). Apakah perkembangan usaha syarikat di atas?</p>
Berjaya Land Bhd (AGM)	<p>Jumlah inventori yang diturunkan nilai mengalami lonjakan ketara daripada RM4.356 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM29.531 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 185, Laporan Tahunan)</p> <p>Apakah yang terangkum dalam inventori ini dan apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam penurunan nilai? Apakah langkah yang diambil untuk meminimumkan penurunan nilai tersebut pada masa hadapan? Adakah syarikat menjangkakan penurunan nilai yang tinggi pada tahun akan datang?</p>
Technodex Bhd (AGM)	<p>Pendapatan berdasarkan lokasi geografi pelanggan Kumpulan (Nota 32.2, halaman 110, Laporan Tahunan 2021):</p> <p>a) Sumbangan pendapatan daripada pelanggan di Hong Kong meningkat dengan ketara kepada RM22.9 juta (2020: RM13.1 juta). Apakah yang menyebabkan peningkatan yang besar ini? Berapakah jangkaan permintaan daripada pelanggan Hong Kong untuk produk dan perkhidmatan Kumpulan, pada masa hadapan?</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan pelanggan di Indonesia tidak menyumbang apa-apa pendapatan pada tahun ini? (2020: RM1.6 juta).</p> <p>c) Sumbangan pendapatan daripada pelanggan di Singapura menyusut kepada RM0.7 juta (2020: RM4.0 juta). Apakah yang menyebabkan penurunan yang ketara ini? Adakah Kumpulan menjangkakan peningkatan dalam pendapatan dari Singapura pada masa hadapan?</p>

Latitude Tree Holdings Bhd (AGM)	<p>Syarikat sedang mencari perniagaan atau aset yang berkaitan dan yang akan bersinergi dengan aktiviti nya. (Halaman 9, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Sudahkah Syarikat mengenal pasti mana-mana perniagaan berpotensi yang ingin diperolehi untuk meningkatkan prestasinya?</p>
Uzma Bhd (AGM)	<p>Kumpulan telah menghapus kira penghutang lain berjumlah RM24.52 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM0.45 juta pada tahun kewangan 2020. (Halaman 176, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Sila berikan kategori penghutang lain yang berjumlah RM25.13 juta pada tahun kewangan 2021 dan RM24.42 juta pada tahun 2020?</p> <p>b) Melihat jumlah dihapus kira yang besar pada tahun kewangan 2021, apakah kesukaran yang dihadapi oleh Kumpulan apabila membuat kutipan penghutang lain?</p> <p>c) Sila senaraikan penghutang lain, mengikut kategori dan jumlah, yang dihapus kira pada tahun kewangan 2021.</p>
Berjaya Corporation Bhd (AGM)	<p>1. Pendapatan lain merudum daripada RM1,122.884 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM398.853 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 104, Laporan Tahunan)</p> <p>Item manakah yang mencatatkan penurunan ketara dan apakah yang menyebabkan penurunan tersebut? Apakah prospek untuk tahun kewangan 2022?</p> <p>2. Elaun rosot nilai ke atas penghutang lain mengalami peningkatan ketara daripada RM2.097 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM11.430 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 246, Laporan Tahunan)</p> <p>Apakah yang terangkum dalam penghutang lain ini dan apakah kebarangkalian jumlah ini dipulihkan?</p> <p>3. Inventori yang dihapus kira/ diturunkan nilai meningkat dengan ketara daripada RM11.753 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM48.874 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 246, Laporan Tahunan)</p> <p>Apakah item yang terangkum dalam jumlah inventori ini dan apakah sebab ia dihapus kira/</p>

	<p>diturunkan nilai secara besar-besaran? Apakah langkah yang boleh diambil untuk meminimumkan hapus kira/ penurunan nilai tersebut pada masa hadapan?</p>
<p>Lotte Chemical Titan Holdings Bhd (EGM)</p>	<p>Pada 28 Oktober 2021, anak syarikat Lotte Chemical Titan Holdings Berhad ("LCT") iaitu PT Lotte Chemical Indonesia ("LCI"), telah mengeluarkan surat tawaran (<i>letter of award, LOA</i>) kepada Lotte Engineering & Construction Co Ltd ("LEC") untuk menjalankan kerja-kerja kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan (<i>engineering, procurement and construction, EPC</i>) di sebahagian daripada projek etilena baharu LCI (<i>Lotte Chemical Indonesia New Ethylene, LINE</i>) dengan nilai USD1,645.6 juta.</p> <p>LEC adalah 43.8% milik Lotte Chemical Corporation ("LCC"), yang seterusnya merupakan pemegang saham pengawal LCT dengan 75.9% kepentingan langsung.</p> <p>Surat tawaran yang diberikan kepada LEC terdiri daripada surat tawaran dalam pesisir dan surat tawaran luar pesisir. Kontrak EPC dalam pesisir akan ditandatangani oleh LCI, LEC dan sebuah syarikat Indonesia, manakala kontrak EPC luar pesisir akan dimeterai oleh LCI dan LEC.</p> <p>a) Apakah faedah komersial daripada pelaksanaan struktur tersebut kepada LCI dan LCT?</p> <p>b) Apakah isu perundangan dan percukaian yang mungkin timbul daripada pemisahan ini? Bagaimanakah LCT menangani potensi risiko ini?</p> <p>c) Adakah perjanjian payung yang dimeterai antara LCI dan kontraktor dalam dan luar pesisir ini memastikan apa-apa jurang yang timbul berikutan pemisahan struktur ini mendapat perlindungan yang sewajarnya?</p> <p>d) Memandangkan tawaran kerja kepada LEC adalah urus niaga pihak berkaitan, apakah jaminan urus niaga ini tidak memudaratkan kepentingan pemegang saham minoriti LCT?</p>
<p>Borneo Oil Bhd (AGM)</p>	<p>Pendapatan Borneo Oil terus merosot kepada RM51.4 juta dalam tahun kewangan 2021, paras paling rendah sejak tahun kewangan 2017. Walau bagaimanapun, keuntungan bersih adalah lebih tinggi iaitu RM28.48 juta (2020: RM1.598 juta), sebahagian besarnya disebabkan oleh pembalikan rosot nilai yang menghasilkan</p>

	<p>keuntungan nilai saksama ke atas pelaburan berjumlah RM26.4 juta.</p> <p>Tanpa pembalikan rosot nilai yang menghasilkan keuntungan nilai saksama daripada pelaburan, Borneo Oil mencatatkan kerugian pada tahun kewangan 2021.</p> <p>a) Berapakah keuntungan/ kerugian operasi Kumpulan untuk tahun kewangan 2021 jika dikecualikan keuntungan sekali sahaja ini?</p> <p>b) Mampukah Kumpulan mengekalkan keuntungannya, tanpa keuntungan sekali sahaja, pada masa hadapan?</p>
<p>Hiap Teck Venture Bhd (AGM)</p>	<p><u>Eastern Steel Sdn. Bhd. ("ESSB")</u>, sebuah syarikat usaha sama</p> <p>Pada tahun kewangan 2021, Kumpulan merekodkan bahagian keuntungan berjumlah RM76.01 juta daripada ESSB berbanding RM3.84 juta pada tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Projek semasa ESSB untuk meningkatkan lagi keberkesanan kos ialah pembangunan kilang ketuhar kok berkapasiti 400,000 tan metrik. 100,000 tan metrik pertama telah siap pada bulan Jun dan 100,000 tan metrik kedua pada Oktober 2021. 200,000 tan metrik seterusnya dijangka siap pada tahun kewangan 2022. Kilang ketuhar kok baharu dijangka dapat mengurangkan kos pengeluaran dengan ketara, meningkatkan keuntungan ESSB pada masa hadapan seterusnya meningkatkan sumbangannya kepada Kumpulan (Halaman 11, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Selapas mempertimbangkan peningkatan dalam perkongsian keuntungan yang ketara serta perkembangan semasa dalam ESSB, apakah prospek Kumpulan untuk mencapai satu lagi sumbangan yang menguntungkan daripada syarikat usaha sama ini pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Sejauh manakah tahap kemajuan pembangunan kilang ketuhar kok berkapasiti 200,000 tan metrik ini? Adakah kilang ini dibangunkan mengikut jadual?</p> <p>c) Berapakah jangkaan penjimatan kos pengeluaran dengan terbinaanya kilang ketuhar kok baharu ini?</p>

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, (linnert.hoo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, (khalidah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.